

13/05/2001

Tindakan gantung keahlian amaran akhir

Noorwati Salleh

PEKAN: Tindakan Umno menggantung ahli yang terbabit dalam politik wang, tanpa mengira kedudukan adalah amaran terakhir kepada semua ahli dan pemimpin parti, kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Selepas ini, kata beliau, Umno tidak akan memberi amaran, sebaliknya terus mengambil tindakan terhadap mana-mana ahli yang didapati terbabit dengan politik wang.

"Kita kena akur dengan keputusan parti kerana sesuatu peraturan dan peruntukan itu dibuat dan diluluskan oleh kita. Oleh itu, apabila sesuatu tindakan diambil, kita perlu sokong.

"Ini selaras dengan tuntutan kita untuk menampilkan imej lebih bersih dan positif kepada masyarakat umum. Ini kerana mereka tidak akan menyokong parti yang mengamalkan rasuah," katanya selepas merasmikan Ekspo Pendidikan dan Kerjaya Pahang 2001 di Dataran Kolej Shahputra oleh Tengku Mahkota Pahang di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa Umno akan memecat ahlinya yang terbukti terbabit dalam politik wang tanpa mengira kedudukan mereka, termasuk di kalangan ahli Majlis Tertinggi (MT).

Presiden Umno itu berkata, Umno sudah tidak boleh bertolak ansur lagi dalam usaha menangani gejala negatif itu dan perlu serius mengambil tindakan terhadap mereka yang mengamalkan rasuah.

"Sesiapa bersalah, ahli MT... Perdana Menteri sekalipun kalau bersalah (dan) dapat bukti, saya rela disingkir kalau didapati saya terbabit dengan politik wang.

"Dalam perkara ini, kita tak boleh main-main. Kita kena serius. Kalau kali ini kita tak serius, maka orang tak akan percaya lagi kepada Umno. Kita nak hapuskan rasuah... politik wang, dengan itu kita perlu ambil tindakan," katanya.

Najib berkata, apa yang diperkatakan Dr Mahathir itu adalah sebagai satu isyarat dan amaran terakhir kepada semua ahli Umno supaya menghentikan amalan itu.

"Jika siasatan rapi mendapati ahli itu mengamalkan politik rasuah, sewajarnya tindakan tegas diambil terhadap mereka.

"Kita tiada pilihan lain, selain mengambil tindakan tegas. Ini kerana peringkat amaran dan saranan semua sudah dibuat. Sekarang, kita hendak menguatkuasakan ketetapan itu," katanya.

Mengenai kemungkinan kontrak tidak diberi kepada ketua bahagian, Najib berkata itu adalah hasrat Dr Mahathir supaya punca kewangan yang berlebihan disekat kepada mereka yang memegang jawatan.

"Ini kerana melaluinya mereka boleh menyalahgunakan kewangan ini. Tidak dinafikan mungkin ada calon yang bertanding kerana ada cita-cita peribadi tertentu, mungkin untuk mendapatkan kontrak.

"Oleh itu, kalau sesuatu jawatan tidak terikat dengan pemberian atau pertimbangan dari segi kontrak dan sebagainya, ia mungkin satu daripada usaha yang boleh membawa kepada pencegahan politik wang," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata apa yang penting sekarang Badan Perhubungan Umno Negeri dan Pusat perlu menyokong kegiatan parti supaya segala kegiatan itu tidak terbantut.

(END)